



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2017/01/10 (HQ)

TULAR VIDEO PENUKARAN METER TAHUN 2013

Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini perelaskan video mengenai peningkatan bil selepas penukaran meter yang tular di media sosial adalah isu lama yang telah dibangkitkan pada sekitar tahun 2013 (August 2013).

TNB menegaskan pihaknya mengikuti garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan tidak melakukan sebarang penukaran meter elektrik pelanggan (kecuali bagi kes kerosakan meter dan meter yang telah melampaui jangka hayat 15 tahun).

Menerusi garis panduan yang diperkenalkan pada 2012 oleh ST, semua kawal selia berkaitan meter elektrik telah dipergiatkan di mana semua meter elektrik perlu mendapat kelulusan ST dan SIRIM.

Di samping itu, meter sediada di tapak juga dipantau dan diaudit secara berkala oleh pihak ST bersama SIRIM QAS selaku pihak ketiga yang berkecuali dengan telus dan berintegriti.

TNB juga memberi jaminan bahawa meter-meter baharu telah melalui proses penentuan dan mempunyai akreditasi kualiti di bawah MS ISO/IEC 17025:2005.

TNB juga menasihati pengguna untuk sentiasa memantau serta menggunakan elektrik dengan berhemah. Untuk sebarang pertanyaan mengenai meter elektrik, pengguna boleh menghubungi TNB melalui:

- telefon atau faks ke talian 1300 885454
- e-mail kepada tnbcareline@tnb.com.my
- Facebook TNB CareLine di www.facebook.com/tnbcareline
- layari laman web www.tnb.com.my

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 6.00 petang, 24 Januari 2017

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)*

media@tnb.com.my